

**DERAF TEKS UCAPAN
YB. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PSN SCIFEST 2015**

**1BORNEO HYPERMALL
KOTA KINABALU, SABAH**

12 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

[Salutasi akan dimuktamadkan oleh UKK MOSTI & PSN]

YANG BERTHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR HAJI YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YANG BERBAHAGIA DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

YANG BERBAHAGIA DATUK POUNIS @ JOSEPH BIN YUNTAVID
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pembangunan)

YANG BERUSAHA PUAN ANITA BAHARI
Pengarah, Pusat Sains Negara

YANG BERBAHAGIA DATUK-DATUK, DATIN-DATIN

Guru-guru, para pelajar, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Selamat petang, salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur kerana menjemput saya merasmikan **SciFest 2015**, iaitu satu lagi majlis anjuran MOSTI, kali ini melalui Pusat Sains Negara dengan tema ***Bringing Science Centre to Community***. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada 1Borneo Hypermall yang merupakan rakan strategik Pusat Sains Negara atau lebih dikenali sebagai PSN kerana sudi menawarkan tempat penganjuran bagi pelaksanaan program ini.

2. Untuk makluman semua, PSN SciFest ini adalah **acara kemuncak kepada aktiviti pembudayaan sains, teknologi dan inovasi di peringkat kementerian** dan julung-julung kalinya ia diadakan di luar premis PSN dalam usaha MOSTI merakyatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) atau dengan kata lain, ***humanizing STI***. Penganjuran pada tahun ini lebih istimewa lagi kerana Sabah, negeri kelahiran saya telah dipilih sebagai lokasi pertama bagi penganjuran program ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Salah satu aspirasi MOSTI adalah melahirkan masyarakat berfikiran saintifik, kreatif dan inovatif selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN). Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam memacu perkembangan STI di kalangan masyarakat demi mencapai aspirasi ini iaitu meneroka, membangun dan memanfaatkan STI bagi menjana ilmu pengetahuan, mencipta kekayaan dan menjamin kesejahteraan masyarakat ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang kompetitif, mapan dan terangkum.

4. Penganjuran PSN SciFest ini diharap dapat memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan orang ramai terhadap sains dan teknologi.

5. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada PSN kerana pada tahun ini, telah berjaya melaksanakan **55 program** pembudayaan STI di seluruh Malaysia yang melibatkan penyertaan **95,789** orang golongan pelajar, guru, belia, orang kurang upaya, komuniti orang asli dan masyarakat umum. Kesemua program ini dilaksanakan oleh **PSN Trooperz iaitu sebuah pasukan yang ditubuhkan oleh MOSTI melalui PSN bagi menjalankan program jangkau luar (outreach).**

6. Sehingga kini MOSTI juga telah melaksanakan beberapa program pembudayaan STI di negeri Sabah seperti **Karnival Kreativiti & Science4u** yang telah diadakan di Keningau, Tambunan pada 30 April hingga 1 Mei 2015 dan telah berjaya menarik seramai lebih kurang 5,000 orang peserta dan pengunjung di negeri Sabah.

7. Selain itu, MOSTI juga telah mengadakan **Persidangan dan Pameran BioBorneo 2015** di Kota Kinabalu pada 20 April yang lepas. Program ini menyokong **fasa kedua Dasar Bioteknologi Negara iaitu penumpuan kepada usaha pengkomersilan hasil R&D.** Program ini juga bertujuan merancakkan lagi kepesatan bidang bioekonomi di mana usaha ini juga termasuk di dalam pelaksanaan Program Transformasi Bioekonomi (BTP) bagi pembangunan ekonomi utama di Sabah.

8. Untuk makluman semua, PSN Trooperz juga baru sahaja mengadakan program **Singgah Sains PSN** di Sekolah Kebangsaan Lokos, Tuaran pada 16 Oktober yang lepas. Program dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran ini dirangka bagi **mendekati pelajar-**

pelajar sekolah luar bandar dan pedalaman yang kurang diberi pendedahan mengenai STI.

Para hadirin sekalian,

9. Seperti yang telah dinyatakan oleh Pengarah PSN dalam ucapan aluan beliau, PSN SciFest telah diadakan semenjak tahun 2011 lagi dan telah menerima reaksi dan maklum balas yang positif, bukan sahaja daripada pengunjung malahan pihak-pihak lain yang berminat untuk menjayakannya.

10. Kejayaan penganjuran PSN SciFest 2015 di Sabah pada kali ini adalah hasil **kerjasama strategik antara MOSTI dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah**. Syabas dan terima kasih.

11. Saya berpendapat bahawa tema yang dipilih bagi PSN SciFest 2015 iaitu ***Bringing Science Centre to Community*** bertepatan dengan hala tuju MOSTI untuk membudayakan inovasi sehingga ke peringkat akar umbi. Pengunjung akan berpeluang **merasai pengalaman seperti mengunjungi sebuah pusat sains sebenar** pada skala yang lebih kecil dan berpeluang menerokai keajaiban sains.

12. Program selama 4 hari ini akan memberi pendedahan kepada masyarakat setempat dengan aktiviti-aktiviti STI yang mengujakan, mudah dan dekat dengan kehidupan seharian mereka seperti ***PSN Meet the Science Icon, Let's Experiment, PSN Challenge of the Day, Science Quizzes*** dan **Bengkel STI** kepada pelajar (dari Pra-Sekolah hingga ke Sekolah Menengah).

13. Selain dari itu, PSN SciFest 2015 juga membawakan pelbagai **aktiviti sains yang diinovasikan dalam bentuk *edutainment* seperti *Magical Science Show*, *PSN Science Busking*, *PSN Science Trails* dan Pameran Khas: *PSN Science Mall***. Diharap PSN SciFest 2015 dapat menjadi satu medium untuk memupuk pemahaman segenap lapisan masyarakat bahawa bidang STI ini mampu di pelopori oleh semua termasuk golongan di luar bandar dan akar umbi.

Para hadirin sekalian,

14. Salah satu pendekatan atau kaedah utama digunakan PSN adalah dengan menyediakan **persekitaran dan bahan pameran sains interaktif yang *hands-on*, *minds-on* dan *hearts-on*** sebagai medium komunikasi dalam usaha PSN untuk memupuk, menyemai dan membudayakan STI dalam kehidupan masyarakat agar tidak ketinggalan dengan perkembangan teknologi semasa.

15. Suntikan elemen *edutainment* dalam pengajaran dan pembelajaran sains membuatkan mata pelajaran ini lebih menarik untuk diceburi. **Sains merupakan satu cabang ilmu yang sangat berkait rapat dengan manusia** dan kefahaman yang jelas mengenainya dapat membantu manusia menjawab pelbagai persoalan dalam kehidupan seharian.

16. Persepsi yang positif tentang **kepentingan mempelajari STI perlu disemai secara berterusan di kalangan masyarakat** terutamanya ibu bapa dan guru-guru agar mereka dapat memberikan dorongan yang betul terhadap pembelajaran dalam bidang STI ini kepada anak-anak. Persepsi positif STI di kalangan ibu-bapa dan guru

amat penting dalam mempengaruhi para pelajar memilih jurusan sains di sekolah.

17. Pelbagai aktiviti dan program lain yang dijalankan sempena festival kali ini juga bertujuan **mencetus pemikiran kritis dikalangan para pengunjung** yang diharapkan dapat merangsang dan memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai peluang-peluang yang ada dalam *niche* ekonomi baru melalui penginovasian ekonomi tradisional yang kebolehpasarannya mampu ditingkatkan melalui penerapan elemen dunia IT & digital.

Para hadirin sekalian,

18. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa MOSTI akan menganjurkan **PERSIDANGAN DAN PAMERAN PENGKOMERSIALAN (MCCE 2015) pada 18 dan 19 November 2015 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur dengan tema 360° Humanising Innovation**. Penganjuran persidangan ini sebagai persediaan MOSTI ke arah melaksanakan **TAHUN PENGKOMERSILAN MALAYSIA 2016** yang telah diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2016 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Antara aktiviti sepanjang MCCE 2015 ini adalah persidangan pengkomersilan MOSTI, pameran, penjualan produk R&D MOSTI dan *technology preview* oleh SIRIM Berhad dan NanoMalaysia Berhad.

19. Bersempena dengan MCCE 2015 juga, MOSTI akan menganjurkan **Kuala Lumpur Innovation Forum (KLIF)** pada 19 November 2015 sebagai platform untuk berkongsi idea dan amalan

terbaik (*best practices*) ke arah membawa Malaysia mencapai ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan inovasi.

Para hadirin sekalian,

20. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan usaha gigih untuk menjayakan PSN SciFest 2015 yang berlangsung dari 12 hingga 15 November 2015. Ucapan terima kasih secara khusus ditujukan kepada **Datuk Pounis @ Joseph bin Yuntavid selaku Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pembangunan)** yang begitu banyak menyokong dari segi moral dan juga logistik dalam menjayakan festival ini.

21. Saya berbesar hati menjemput para hadirin semua untuk sama-sama mengunjungi persidangan dan pameran ini bagi melihat hasil-hasil inovasi terkini ciptaan rakyat tempatan. Sama-samalah kita berdoa agar program yang diadakan ini akan benar-benar dapat dimanfaatkan oleh generasi muda hari ini, khususnya pelajar-pelajar sekolah yang bakal menyaksikan hasrat dan cita-cita kerajaan ke arah negara maju berpendapatan tinggi tercapai. Dengan harapan tersebut, **saya dengan sukacitanya merasmikan PSN SciFest 2015.**

Sekian, terima kasih.